

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang Masalah Kajian

Penubuhan Kabupaten Siak bermula dengan pembentukan Panitia Persiapan Penubuhan Kabupaten Siak (PPPKS) pada 24 May 1999. Setelah penubuhan PPKS tersebut, maka terbentuklah Komite Perjuangan Penubuhan Kabupaten Siak (KPPKS) yang dipengerusikan oleh H.M. Azaly Djohan, S.H. KPPKS tersebut merupakan peneraju utama penubuhan Kabupaten Siak yang bertujuan untuk mewujudkan pembangunan yang seimbang serta dapat dinikmati oleh masyarakat secara komprehensif.

Ekoran daripada itu, ahli-ahli Dewan Pertimbangan Autonomi Daerah (DPOD) Kementerian Dalam Negeri Republik Indonesia datang ke Siak bagi memastikan persiapan yang telah dibuat oleh KPPKS. Kunjungan daripada KPPKS tersebut diikuti oleh Suruhanjaya II Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (DPR RI) bagi melihat dan menilai penubuhan Kabupaten Siak ialah atas aspirasi masyarakat Siak dan sekitarnya. Beberapa bulan setelah itu, maka terbentuklah Kabupaten Siak setelah Undang-Undang Nombor 53 Tahun 1999 dikuatkuasakan oleh DPR-RI pada 12 Oktober 1999.<sup>1</sup>

Kabupaten Siak sebagai daerah autonomi yang baru ditubuhkan amat menarik untuk dipilih sebagai lokasi penelitian dalam disertasi ini. Program

---

<sup>1</sup> Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Kabupaten Siak (2002), *Rencana dan Strategi Pembangunan Daerah*. Siak Sri Indrapura : Bappeda, h. 12.

pembangunan ekonomi yang telah dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak dalam bentuk skim pembiayaan dapat dijadikan sebagai fokus kajian ditinjau menurut perspektif Islam, kerana sebahagian besar penduduk Kabupaten Siak beragama Islam (88.2 peratus dari jumlah keseluruhan penduduk Kabupaten Siak beragama Islam).

Pemerintah Daerah Kabupaten Siak selama ini menyedari bahawa faktor penghalang yang paling utama dalam mewujudkan kesejahteraan masyarakat desa ialah kekurangan modal. Hal ini menyebabkan masyarakat desa tidak mampu mengembangkan usaha mereka dengan baik bagi menghasilkan produk yang berkualiti.<sup>2</sup> Oleh itu, skim pembiayaan merupakan faktor yang amat penting bagi mewujudkan pembangunan ekonomi di Kabupaten Siak.

Program pemerintah dalam bentuk skim pembiayaan merupakan cara yang paling tepat bagi membangunkan ekonomi masyarakat desa di Kabupaten Siak. Skim berkenaan dapat membantu masyarakat desa untuk mengembangkan usaha yang mereka jalankan di berbagai-bagai sektor seperti pertanian, perkebunan, penternakan, perikanan, koperasi, perusahaan kecil sederhana, dan industri kecil sederhana. Pemerintah telah memberikan kemudahan kepada masyarakat bagi mendapatkan modal kerana modal adalah faktor yang berperanan penting bagi meningkatkan taraf hidup mereka yang bekerja di pelbagai sektor terutama di sektor pertanian. Sektor pertanian merupakan peneraju utama pembangunan

---

<sup>2</sup> Dinas Tanaman Pangan Pangan Propinsi Riau (2001), *Pemberdayaan Petani Melalui Gerakan Pengembangan Hortikultura Riau Tahun 2007 dengan Pola Pendekatan Kawasan Pertanian Hortikultura Terpadu*. Pekanbaru : Bappeda Propinsi Riau, h. 4-5 ; Lihat juga Badan Perencanaan Pembangunan Daerah / Bappeda (2000), *Laporan Akhir (2000), Studi Kelayakan dan Identifikasi Usaha Pengembangan Agribisnis dan Agroindustri Pola Perusahaan Pertanian di Kabupaten Siak*. Siak Sri Indrapura : Bappeda, h. 81.

ekonomi di Kabupaten Siak, kerana 62 peratus penduduk Kabupaten Siak bekerja di sektor berkenaan. Di samping itu, kemudahan pembiayaan yang sedia ada seperti yang disediakan oleh pihak bank adalah amat terhad dan tidak dapat memenuhi keperluan masyarakat di bidang permodalan secara komprehensif terutama masyarakat yang tinggal di desa-desa terpencil.

Oleh itu, yang menjadi isu utama dan asas perbincangan dalam disertasi ini, ialah berkenaan dengan tatacara atau metode pelaksanaan daripada pelbagai skim yang dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak, seperti skim kredit lunak, skim kredit dengan sistem hasil, skim pembiayaan dengan sistem hasil, skim kredit jentera pertanian, skim kredit haiwan ternakan, dan skim pinjaman haiwan ternakan. Kemudian, penulis akan melakukan analisis menurut perspektif Islam mengenai proses atau tatacara pelaksanaan skim-skim tersebut, sama ada selaras dengan Islam atau bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam.

Skim kredit lunak adalah bantuan pinjaman modal yang diberikan kepada masyarakat desa dengan kadar faedah (*interest*) tetap. Skim ini telah dijalankan di beberapa sektor seperti pertanian, perkebunan, perikanan, koperasi, perusahaan kecil sederhana, dan industri kecil sederhana.

Skim kredit dengan sistem hasil merupakan pinjaman yang diberikan kepada masyarakat, di mana sistem pembayaran balik pinjaman sesuai dengan hasil yang diterima oleh masyarakat berkenaan. Skim ini telah dijalankan di sektor perkebunan.

Sedangkan skim pembiayaan dengan sistem hasil ialah suatu skim yang ditawarkan oleh pemerintah bagi membiayai projek penternakan ikan air tawar yang dijalankan oleh masyarakat desa. Dalam hal ini, pemodal dan usahawan akan berkongsi keuntungan sesuai dengan kadar peratus yang telah ditentukan oleh kedua-dua belah pihak. Skim ini telah dijalankan di sektor perikanan.

Adapun skim kredit jentera pertanian dan skim kredit haiwan ternakan merupakan dua bentuk skim bagi membolehkan masyarakat untuk mendapatkan jentera pertanian dan haiwan ternakan dengan bayaran ansuran ditambah kadar faedah (*interest*) yang telah ditentukan oleh pemerintah. Skim ini telah dijalankan di dua sektor iaitu sektor pertanian (skim kredit jentera pertanian) dan sektor penternakan (skim kredit haiwan ternakan).

Terakhir ialah skim pinjaman haiwan ternakan. Skim pinjaman haiwan ternakan merupakan pinjaman yang diberikan kepada masyarakat berupa haiwan ternakan seperti lembu, kambing dan itik. Masyarakat dikehendaki memulangkan anak haiwan berkenaan sesuai dengan jumlah haiwan yang dipinjam tanpa sebarang faedah (*interest*). Skim ini telah dijalankan oleh pemerintah bagi meningkatkan pendapatan masyarakat desa di sektor penternakan.

Skim-skim berkenaan dilihat mampu membangunkan ekonomi masyarakat desa di Kabupaten Siak dan kewujudannya amat diperlukan oleh masyarakat. Kemudahan mendapatkan modal mendorong masyarakat untuk mengembangkan sebarang usaha di pelbagai sektor secara cekap dan profesional, kerana usaha yang akan dilakukan tersebut tidak akan terbantut disebabkan oleh kekurangan

modal. Skim berkenaan juga akan menarik minat masyarakat untuk menceburi dan meneroka bidang kerjaya baru, kerana faktor modal yang menjadi halangan utama sebelum ini sudah dapat dielakkan. Dengan demikian, masyarakat akan terlibat secara langsung dalam setiap program pembangunan ekonomi yang dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak. Berhasil atau tidaknya sebarang program yang dijalankan oleh pemerintah tergantung kepada pembabitian masyarakat dalam program yang dijalankan tersebut.

Oleh itu, titik penghujung yang mahu dicapai dalam disertasi ini ialah penganalisan (penyelarasan) program pembangunan ekonomi yang dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak dengan prinsip Islam seperti *al-mudārabah*, *al-bay' bithaman al-ājil*, dan *al-qarḍ al-ḥasan*. Penganalisan tersebut difokuskan kepada metode atau tatacara pelaksanaan daripada pelbagai skim yang dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak tersebut, seperti skim kredit lunak, skim kredit dengan sistem hasil, skim pembiayaan dengan sistem hasil, skim kredit jentera pertanian, skim kredit haiwan ternakan, dan skim pinjaman haiwan ternakan.

## 1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian dalam penelitian ini adalah :

- 1.2.1 Mengkaji program-program pembangunan ekonomi masyarakat desa yang dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak.
- 1.2.2 Mengkaji matlamat asas, konsep, dasar-dasar serta aspek-aspek pembangunan ekonomi masyarakat menurut perspektif Islam.

- 1.2.3 Mengenal pasti perbezaan serta titik pertemuan antara program pembangunan ekonomi masyarakat desa yang dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak dengan pandangan Islam.
- 1.2.4 Mencadangkan beberapa pengubahsuaian program-program pembangunan ekonomi masyarakat desa supaya selaras dengan Islam.

### 1.3 Kerangka Teori Kajian

Pembangunan ekonomi ialah suatu proses yang dijalankan bagi mencapai perubahan secara berterusan untuk meningkatkan taraf pencapaian ekonomi sesuatu masyarakat dalam jangka panjang.<sup>3</sup> Muhammad Syukri Salleh berpendapat bahawa tujuan asas pembangunan ekonomi ialah untuk menaikkan taraf ekonomi sebahagian besar masyarakat, bukan sebahagian kecil semata-mata. Pencapaian taraf yang tinggi dalam ekonomi sangat penting kerana boleh menjadi asas yang kukuh bagi mendapatkan berbagai-bagai keperluan hidup di masa sekarang mahupun di masa akan datang.<sup>4</sup> Pembangunan ekonomi masyarakat desa pula merupakan suatu usaha untuk menaikkan taraf hidup mereka.

Oleh itu, bagi mewujudkan pembangunan ekonomi masyarakat desa di pelbagai sektor, maka khidmat sokongan yang luas dan berkesan daripada agensi

---

<sup>3</sup> Sadono Sukirno (1985), *Ekonomi Pembangunan : Proses, Masalah dan Dasar Kebijaksanaan*. Jakarta : Lembaga Penerbit Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia, h. 13.

<sup>4</sup> Muhammad Syukri Salleh (1987), *Pembangunan Berteraskan Islam*. Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 70.

kerajaan serta penggunaan teknologi pertanian yang memadai perlu ditingkatkan. Hal ini penting bagi menyokong pertumbuhan ekonomi masyarakat desa.<sup>5</sup>

Petani atau masyarakat desa amnya mesti berperanan secara aktif dalam pelbagai program pembangunan ekonomi. Masyarakat desa juga dikehendaki untuk bekerja keras dan memanfaatkan apa sahaja peluang yang ditawarkan oleh pemerintah. Hal ini disebut juga dengan istilah teori pendekatan teknokratik, iaitu suatu teori yang memberikan tumpuan kepada peranan aktif masyarakat dan pemodenan alat atau jentera yang digunakan oleh masyarakat tersebut. Pendekatan teknokratik juga menggalakkan pembaharuan jentera perancangan dan pelaksanaan sektor pembangunan serta menggalakkan petani lebih peka terhadap perubahan teknologi moden.<sup>6</sup> Namun hal ini tidak akan wujud tanpa sokongan yang serius dari pemerintah, kerana tidak semua masyarakat desa yang peka dan mampu memanfaatkan teknologi moden untuk mengembangkan usaha mereka sama ada di bidang pertanian dan perkebunan mahupun di bidang penternakan dan perikanan serta bidang-bidang lain.

Pembangunan ekonomi masyarakat desa di sektor pertanian juga dapat dilaksanakan dengan menubuhkan pertubuhan peladang. Pertubuhan peladang mempunyai berapa ciri tersendiri iaitu sebagai wadah pergerakan untuk menyuarakan aspirasi peladang, sebagai koperasi yang memberi khidmat kepada

---

<sup>5</sup> Muhammad Syukri Salleh (1989), *Strategi Pembangunan Desa Negara Dunia Ketiga*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 36.

<sup>6</sup> *Ibid.*, h. 48.

ahli-ahli dan sebagai badan perniagaan untuk menyediakan peluang pelaburan.<sup>7</sup> Pertubuhan-pertubuhan tersebut juga dapat dilakukan di bidang lain, seperti penternakan dan perikanan bagi memastikan pembangunan yang bersepadu di tengah masyarakat.

Dalam keadaan normal, Islam tidak menetapkan batasan kepada kekayaan peribadi.<sup>8</sup> Walaupun begitu, Islam memberi autoriti kepada pemerintah untuk melakukan tindakan yang perlu bagi merealisasikan matlamat-matlamat sosial ekonomi yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Dalam Islam, tanah yang terbiar selama tiga tahun dapat dipindahkan pemilikannya kepada anggota masyarakat lain yang mampu untuk menjadikannya sebagai tanah produktif. Kebanyakan ulama bersetuju dengan pendapat tersebut yang bertujuan untuk mewujudkan keseimbangan dalam pemilikan tanah dan dapat memelihara kepentingan sosial.<sup>9</sup> Oleh itu, Umar bin Khatab menyarankan supaya setiap masyarakat yang memiliki tanah dapat mengembangkan tanah tersebut menjadi tanah yang produktif dan mengelakkannya daripada menjadi tanah terbiar.<sup>10</sup>

---

<sup>7</sup> Lembaga Pertubuhan Peladang (1973), *Usaha LPP Memajukan Masyarakat Tani*. Kuala Lumpur : LPP., h. 5 ; Contoh spesifik berkenaan dengan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) adalah LPP di bawah Kementerian Pertanian Malaysia yang memberikan kemudahan kepada para peladang bagi mendapatkan keperluan bekalan ladang dengan mutu yang terjamin. Menawarkan harga yang berpatutan bagi bahan-bahan bekalan ladang dalam usaha mengawal harga penawaran di pasaran, mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan produktiviti peladang, menjadi pusat peladang-peladang bagi mendapatkan khidmat nasihat mengenai penggunaan input pertanian dari segi aspek-aspek ekonomi, applikasi, keselamatan dan kesihatan. Menyediakan perkhidmatan kredit bekalan ladang untuk projek-projek ladang terselia.

<sup>8</sup> Abd al-Salām al-'Abbadī (1974), *al-Milkiyah fī al-Syar'ah al-Islāmiyah*, j. 2. Ammān Jordan : al-Maktabah al-Aqṣā, h. 400.

<sup>9</sup> Ḥasan al-Bannā (1989), *Majmu' Rosā'il al-Imām al-Syahid Ḥasan al-Bannā*. Alexandria : Dār al-Da'wah, h. 266 ; Lihat juga Muṣṭafā al-Syibā'ī (1960), *Isytirākiyah al-Islām*. Damaskus : Muassasah al-Maṭba'ah al-'Arābiyyah, h. 62.

<sup>10</sup> M. Ḥusain Haikal (1964), *al-Farūq 'Umar*, j. 2. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, h. 229.



Dalam membangunkan ekonomi masyarakat desa, halangan yang paling serius adalah ketiadaan infrastruktur yang efisien, seperti jalan-jalan, sekolah, elektrik dan kemudahan kesihatan di samping rendahnya peruntukan kewangan pemerintah di sektor pertanian.<sup>11</sup> Oleh itu, program pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam mesti dijadikan sebagai agenda utama dalam pembangunan.

Di samping itu, peningkatan usaha di bidang pertanian, perkebunan, penternakan dan perikanan serta pembangunan di sektor perusahaan kecil sederhana, industri kecil sederhana dan koperasi juga diperlukan. Sektor perusahaan kecil sederhana, industri kecil sederhana dan koperasi merupakan elemen-elemen penting bagi meningkatkan taraf ekonomi sesuatu masyarakat.

Perusahaan kecil sederhana dan industri kecil sederhana adalah suatu bentuk usaha yang dijalankan oleh masyarakat yang tidak memiliki modal dalam ukuran besar. Oleh itu, masyarakat bawahan (*low class*) amat digalakkan supaya dapat memanfaatkan modal kecil yang mereka miliki untuk mengembangkan perusahaan kecil sederhana mahupun industri kecil sederhana.

Pengembangan industri kecil sederhana dalam Islam adalah berbeza dengan keadaan yang berlaku dalam sistem kapitalis dan sosialis. Dalam sistem kapitalis

---

<sup>11</sup> Muhammad Umer Chapra (1993), *Islam and Economic Development*, c. 2. Kuala Lumpur : Percetakan Zafar Sdn. Bhd., h. 79 ; Abul Khair Mohd. Jalaluddin mengatakan bahawa pemerintah mesti melaburkan wang negara untuk membangunkan infrastruktur dan kemudahan awam lainnya kerana apabila hal tersebut diserahkan kepada sektor swasta maka dikhuatiri terjadinya penyimpangan-penyimpangan sedangkan pembangunan infrastruktur merupakan kepentingan awam yang mesti diutamakan bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi ; Lihat Abul Khair Mohd. Jalaluddin (1991), *The Role of Government in An Islamic Economy*. Kuala Lumpur : A.S. Noordeen, h. 45.

dan sosialis, industri-industri yang lebih besar akan mendominasi sektor ekonomi dan politik di negara-negara tersebut.<sup>12</sup>

Jika program pembangunan di sektor industri kecil mahupun perusahaan kecil sederhana dilakukan dengan serius untuk memenuhi keperluan asas, maka keuntungan dan manfaatnya akan lebih dapat dinikmati oleh masyarakat secara meluas. Oleh itu, Hasan al-Bannā lebih mengutamakan industri kecil sederhana dalam pembahasan tentang reformasi ekonominya sesuai dengan ajaran Islam. Beliau menekankan hal ini bagi membantu masyarakat miskin untuk mendapatkan pekerjaan dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran dan kemiskinan.<sup>13</sup>

Mesej yang disampaikan oleh Hasan al-Bannā telah menyedarkan kita bahawa Islam memiliki strategi dalam pembangunan ekonomi masyarakat desa, iaitu dengan menggalakkan pertumbuhan industri kecil sederhana. Kelebihan industri kecil sederhana ialah tidak memerlukan modal yang banyak, namun memiliki kemampuan untuk berkembang dan tumbuh lebih cepat serta menguntungkan masyarakat. Masyarakat akan dapat bergiat dalam industri kecil sederhana untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Menurut beliau, hasil daripada industri kecil sederhana jauh lebih baik berbanding upah yang diterima oleh buruh.<sup>14</sup> Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa menjadi seorang usahawan lebih bermakna berbanding makan gaji. Hal ini sesuai dengan apa yang diungkapkan oleh Little, Scietovsky, dan Scott di

---

<sup>12</sup> Paul A. Baran *et al.* (1966), *Monopoly Capital : An Essay on The American Economic and Social Order*. New York : Moslem Reader Paper Back, h. 6.

<sup>13</sup> Hasan al-Bannā (1989), *op.cit.*, h. 267.

<sup>14</sup> *Ibid.*

mana industri-industri moden yang berukuran besar biasanya kurang dapat menghasilkan keuntungan berbanding industri-industri kecil. Di samping itu, industri besar memerlukan kos yang besar dan kurang menyediakan peluang pekerjaan.<sup>15</sup>

Beberapa sarjana meragui keupayaan industri-industri besar dalam mengurangi kadar pengangguran. Di samping itu, ia juga kurang menyediakan peluang pekerjaan untuk masyarakat bawah terutama di negara-negara yang sedang membangun.<sup>16</sup> Tetapi pada masa ini wujud kesedaran yang luas di negara-negara dunia ketiga untuk membangunkan industri-industri moden yang bersaiz besar, yang mana secara umumnya - pada masa dahulu - telah gagal mengatasi masalah kemiskinan di negara-negara tersebut.<sup>17</sup> Ekoran daripada itu, Kurshid Ahmad mengatakan bahawa pihak-pihak berkuasa tempatan dan serantau tidak harus mengambil alih perusahaan persendirian yang kecil dan sederhana, melainkan mereka seharusnya menciptakan suasana yang sesuai untuk bekerja dan membangunkan serta menjalankan segala-gala yang diperlukan bagi membolehkan perusahaan jenis ini bertambah cekap.<sup>18</sup>

Pihak-pihak berkuasa tempatan juga dapat menjalankan sistem pelaburan atau penanaman modal di pelbagai sektor pembangunan ekonomi seperti pertanian, perusahaan kecil, industri kecil, koperasi dan sebagainya. Dalam sistem pelaburan tersebut, peranan pemerintah adalah sebagai pemberi modal-

---

<sup>15</sup> Muhammad Syukri Salleh (1989), *op.cit.*, h. 21.

<sup>16</sup> Mariluz Cortes *et al.* (1987), *Success in Small and Medium Scale Enterprise*. London : Oxford University Press, h. 2.

<sup>17</sup> Muhammad Umer Chapra (1993), *op.cit.*, h. 105.

<sup>18</sup> Kurshid Ahmad (1980), "Economic Development in An Islamic Framework", dalam Kurshid Ahmad (ed.), *Studies in Islamic Economics*. Leicester : The Islamic Foundation, h. 181.

sedangkan masyarakat sebagai usahawan. Modal yang diberikan oleh pemerintah dapat digunakan oleh masyarakat untuk membuka perusahaan terutama di sektor pertanian.<sup>19</sup>

Hal di atas adalah selaras dengan pendapat sesetengah ahli ekonomi, di mana halangan yang dihadapi oleh masyarakat bawahan adalah kurangnya skim-skim pembiayaan yang diperuntukkan bagi petani kecil dan industri-industri mikro. Dengan demikian, petani atau masyarakat desa amnya akan mencuba meminjam modal yang segera daripada para pedagang dan para *rentenir*.<sup>20</sup> Hutang yang berterusan kepada para peniaga, *rentenir*, pemberi pinjaman wang tidak formal dan lain-lain, hanya akan mengekalkan kemiskinan yang dialami oleh masyarakat desa selama ini.<sup>21</sup>

Program pembangunan ekonomi masyarakat desa yang dijalankan dengan cara memberikan pinjaman modal kepada masyarakat adalah langkah atau strategi yang sangat efektif. Pertambahan modal akan meningkatkan pengeluaran dengan berbagai-bagai cara. Peruntukan modal adalah penting untuk memenuhi keperluan penduduk yang semakin bertambah di negara-negara yang sedang membangun.

<sup>19</sup> Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Kabupaten Siak (2002), *op.cit.*, h. 7 ; Kadang-kadang kita melihat bahawa pengeluaran industri kecil tempatan mendapat saingan daripada produk-produk luar yang lebih berkualiti. Hal ini akan mengakibatkan kerugian bagi pihak usahawan tempatan kerana tidak dapat menarik minat lebih ramai pelanggan berbanding produk-produk luar tersebut. Oleh itu, Lee Tsua Yuan berpendapat bahawa kerajaan mesti peka terhadap kejadian tersebut dan dikehendaki untuk dapat mengatasinya tanpa merugikan mana-mana pihak ; Lihat Lee Tsua Yuan (1988), "Asean-U.S. Trade in Services: An Asean Perspective", dalam Tan Loong-Hoe and Narongchai Akrasanee (ed.), *Asean-U.S. Economic Relations : Changes in the Economic Environment and Opportunities*. Singapore : Institute of Southeast Asian Studies Heng Mui Keng Terrace, h. 116.

<sup>20</sup> Rentenir ialah orang yang memberikan pinjaman kepada masyarakat desa dengan mengambil faedah (*interest*) yang sangat tinggi dan juga menjadikan hasil usaha masyarakat itu sendiri sebagai cagar pinjaman. Rentenir juga menghendaki agar masyarakat dapat menjual hasil pertanian kepadanya, sedangkan harga beli yang ditetapkan jauh lebih rendah berbanding harga pasaran. Tetapi masyarakat terpaksa juga menjual hasil pertanian tersebut kepada rentenir disebabkan hutang.

<sup>21</sup> Muhammad Umer Chapra (1993), *op.cit.*, h. 109.

Kesan bantuan modal kepada masyarakat adalah meningkatkan pengeluaran penduduk di pelbagai bidang dan juga menambahkan peluang pekerjaan kepada masyarakat terutama masyarakat miskin yang tinggal di desa-desa.<sup>22</sup>

Hal di atas adalah selaras dengan hasil pengamatan Lembaga Penelitian dan Pengembangan Masyarakat Institut Pertanian Bogor, yang mengenal pasti beberapa bentuk pembangunan yang patut berlaku di wilayah Kabupaten Siak bagi menaikkan taraf hidup masyarakat desa. Pembangunan yang dapat dilakukan ialah :

1. Pembangunan infrastruktur awam seperti jalan di kawasan pertanian yang dibuat bagi memudahkan laluan peralatan dan jentera-jentera pertanian.
2. Penambahan Ahli-Ahli Jawatankuasa yang profesional di bahagian perkhidmatan pertanian.
3. Membina saluran-saluran air bagi meningkatkan pengeluaran di sektor pertanian.
4. Meningkatkan kerjasama antara Ahli-Ahli Jawatankuasa yang berkaitan dengan perkhidmatan pengairan di sektor pertanian.
5. Pembangunan sektor penternakan seperti lembu, kambing dan itik kerana di Kabupaten Siak masih banyak desa yang menyediakan ladang rumput yang luas serta dataran-dataran rendah.
6. Mengembangkan skim pembiayaan di bidang pertanian, perkebunan, penternakan, perikanan, koperasi, perusahaan kecil sederhana, dan industri kecil sederhana.

---

<sup>22</sup> M. Ambar Tadang (1981), *Ekonomi Pembangunan : Problema Dasar dan Teori Pembangunan Ekonom.* Surabaya : P.T. Bina Ilmu, h. 75.

Namun demikian, yang paling penting di antara bentuk-bentuk pembangunan yang dinyatakan di atas, ialah mengembangkan skim pembiayaan atau memberikan pinjaman modal kepada masyarakat desa bagi mewujudkan pembangunan di pelbagai sektor seperti pertanian, perkebunan, penternakan, perikanan, koperasi, perusahaan kecil sederhana, dan industri kecil sederhana.<sup>23</sup>

Oleh itu, Pemerintah mesti menyediakan kemudahan pembiayaan seperti pinjaman modal di samping perlunya latihan-latihan kerjaya, kerana kelemahan masyarakat desa selama ini adalah di bidang kemahiran dan permodalan. Bantuan permodalan yang diberikan oleh pemerintah tersebut dapat diberikan kepada masyarakat desa dengan menggunakan sistem kredit dengan jangka waktu yang tidak membebankan mereka. Di sinilah letaknya peranan pemerintah dalam pembangunan ekonomi. Pemerintah tidak digalakkan untuk campur tangan terlalu jauh dalam sesuatu aktiviti ekonomi kerana hal itu akan menghadkan kreativiti usahawan dalam menjalankan sebarang usaha.<sup>24</sup> Tetapi pemerintah dikehendaki berperanan secara efektif bagi memberikan kemudahan kepada usahawan untuk menjalankan aktiviti dengan baik dan terkawal.

Ekoran daripada itu, M. Ambar Tadang berpendapat bahawa pinjaman modal dapat membantu masyarakat untuk membeli enjin-enjin atau alat-alat yang diperlukan berkenaan dengan usaha yang mereka jalankan. Negara mesti menyediakan modal bagi mengeksploitasi sumber alam dan industri di samping memperluaskan pasaran yang dapat mempercepatkan pertumbuhan ekonomi.<sup>25</sup>

---

<sup>23</sup> Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Kabupaten Siak (2002), *op.cit.*, h. 7.

<sup>24</sup> Gilbert P. Verbit (1969), *Trade Agreements for Developing Countries*. New York : Columbia University Press, h. 126-127.

<sup>25</sup> M. Ambar Tadang (1981), *op.cit.*, h. 75.

Abdul Khalid bin Ibrahim mengatakan bahawa modal merupakan faktor utama bagi menggalakkan lahirnya usahawan-usahawan muda di pelbagai bidang atau kerjaya. Masyarakat Islam mesti membina institusi-institusi kewangan tidak rasmi yang dapat menyokong keperluan mereka terhadap modal.<sup>26</sup>

Skim pinjaman modal dengan menggunakan sistem kredit merupakan faktor yang boleh memperlancarkan pergerakan pembangunan ekonomi masyarakat desa. Di samping itu, ianya berfungsi sebagai salah satu titik kritikal kepada pembangunan. Skim pembiayaan kredit berfungsi dengan efektif untuk menyokong dan meningkatkan hasil sesuatu usaha yang dijalankan oleh masyarakat desa.<sup>27</sup>

Pembiayaan kredit yang diberikan oleh pemerintah tersebut, lebih mudah diperolehi oleh masyarakat berbanding kredit yang diberikan oleh institusi-institusi kewangan seperti bank-bank komersil. Bank-bank komersil sentiasa meminta cagaran dengan kadar faedah (*interest*) yang tinggi sehingga masyarakat desa tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh bank-bank komersil tersebut.<sup>28</sup>

Adapun dalam perspektif Islam, pinjaman yang dipersetujui ialah pinjaman yang selaras dengan konteks *al-qard al-hasan*. *al-Qard hasan* ialah pinjaman yang tidak mengenakan sebarang faedah (*interest*) kepada peminjam. Bahkan Islam tidak membenarkan adanya sebarang caj yang dikenakan oleh pemberi

---

<sup>26</sup> Abdul Khalid bin Ibrahim (1993), "Towards Effective Muslim Participation in Industrialisation : Future Directions in Malaysia", dalam Aidit Ghazali (ed.), *Industrialisation From An Islamic Perspective*. Malaysia : Institute of Islamic Understanding Malaysia, h. 98.

<sup>27</sup> Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Kabupaten Siak (2002), *op.cit.*, h. 7.

<sup>28</sup> *Ibid*.

pinjaman (*lender*) daripada pihak yang meminjam (*borrower*), ataupun sebarang keuntungan yang telah ditetapkan sebelumnya oleh pihak pemiutang terhadap modal yang dipinjamkan tersebut.<sup>29</sup>

Di Iran, prinsip ini dikenali dengan *qard al-hasanah* dan di Pakistan dikenali dengan *qarz-e-hasna*. Ia merupakan pinjaman kebajikan di mana peminjam hanya perlu membayar balik sesuai dengan pokok pinjaman. Walau bagaimanapun, peminjam boleh mengikut budi bicaranya untuk membayar lebih daripada apa yang dipinjamnya dahulu. Prinsip ini merupakan satu-satunya pinjaman yang dibenarkan oleh syariah dan tujuan pinjaman ini adalah untuk mewujudkan pembangunan ekonomi yang adil dan seimbang.<sup>30</sup>

Sistem pinjaman tanpa faedah (*interest*) untuk masyarakat bawahan (miskin) adalah selaras dengan dasar kerajaan Malaysia yang telah memberikan pinjaman kepada masyarakat bawahan dengan tidak mengenakan sebarang faedah (*interest*) atau caj. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan taraf pendapatan masyarakat bawahan serta untuk mewujudkan pembangunan ekonomi secara komprehensif.<sup>31</sup>

Dalam sesebuah negara Islam, kerajaan bertanggungjawab dan berkewajipan untuk memberikan pertolongan atau bantuan kepada orang-orang yang kurang upaya, orang-orang yang tidak mempunyai pekerjaan, orang tua, anak-anak, janda-janda, dan orang-orang miskin. Kerajaan mesti mengenal pasti segala-

<sup>29</sup> Nabil A. Saleh (1986), *Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law : Riba, Gharar and Islamic Banking*. London : Cambridge University Press, h. 99.

<sup>30</sup> Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd., h. 76.

<sup>31</sup> Saad al-Harran (1995), "Partnership Financing : Self-Help for the Poor", dalam Saad al-Harran (ed.), *Leading Issues in Islamic Banking and Finance*. Selangor : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., h. 33.



keperluan mereka supaya mereka dapat hidup dengan selesa.<sup>32</sup> Oleh itu, kerajaan mesti membuat peruntukan dalam belanjawan negara yang dikhaskan bagi golongan-golongan yang telah disebutkan itu.<sup>33</sup>

Di samping itu, Islam juga menggalakkan skim pembiayaan yang menggunakan prinsip *al-muḍārabah* (*trust financing*).<sup>34</sup> Institusi-institusi kewangan Islam pada masa ini telah menggunakan sistem *al-muḍārabah* untuk membiayai sebarang projek yang dijalankan oleh masyarakat. Dalam prinsip *al-muḍārabah*, pemodal (*beneficial owner*) akan menyerahkan sejumlah modal kepada usahawan (*agent-manager*), dan usahawan akan menggunakan modal tersebut untuk membiayai sebarang projek yang ia jalankan. Pemodal dan usahawan akan berkongsi keuntungan sesuai dengan peratusan yang telah disepakati sebelumnya.<sup>35</sup> Baik *al-muḍārabah* (*profit sharing*) mahupun *al-musyārahah* (*partnership*) kedua-duanya merupakan bentuk akad usahasama.<sup>36</sup> Dalam prinsip *al-muḍārabah* tersebut, pulangan kepada usahawan adalah bergantung kepada kebolehan, kemampuan, ketekunan dan pengalamannya dan dia tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menanggung kerugian, jika berlaku sesuatu hal yang bukan disebabkan oleh kecuaiannya.<sup>37</sup>

---

<sup>32</sup> Ataul Huq Pramanik (1993), *Development and Distribution in Islam*. Selangor : Pelanduk Publicatios (M) Sdn. Bhd., h. 60.

<sup>33</sup> *Ibid.*, h. 61.

<sup>34</sup> Penduduk Madinah menggunakan istilah *al-muqāradah* yang maknanya "penyerahan" kerana pemilik modal menyerahkan modalnya kepada *āmīl* (*user of capital*) ; Lihat Syams al-Dīn al-Sarakhsī (t.t.), *al-Mabsūt*, j. 12. Mesir : Maṭba'ah al-Sa'adah, h. 17.

<sup>35</sup> *Ibid.*, h. 103 ; Lihat Aidit Ghazali (1990), *Development An Islamic Perspective*. Selangor : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., h. 107 ; Lihat Muhammad Baqer Sadr Ayatullah Sayyid Taleghani (1991), *Islamic Economics : Contemporary Ulama Perspectives*. Kuala Lumpur : Iqra', h. 10 ; Lihat Muhammad Nejatullah Siddiqi (1985), *Partnership and Profit Sharing in Islamic Law*. Leicester : The Islamic Foundation, h. 22.

<sup>36</sup> Muhammad Umer Chapra (1985), *Towards A Just Monetary System*. Leicester : The Islamic Foundation, h. 165-166.

<sup>37</sup> Ibrāhīm al-Ṭahāwī (1974), *al-Iqtisād al-Islām : Madhhab wa al-Nizām wa al-Dirāsah al-Muqāranah*, j. 1. Mesir : Majma' al-Buḥūth al-Islāmiyyah, h. 227.

*Al-Muḍārabah* adalah satu rangka kerja yang menjelaskan peranan relatif modal dan keusahawanan yang tidak dianggap sebagai faktor-faktor yang terpisah dan mempunyai asas yang berbeza dari segi pulangan.<sup>38</sup> Pendekatan ini sangat berbeza dengan pendekatan sistem ekonomi moden yang beranggapan bahawa setiap modal mesti mendatangkan keuntungan.<sup>39</sup> Pendekatan sistem ekonomi moden tersebut tidak mengambil kira risiko dan ketidakpastian yang dihadapi oleh usahawan. Islam memberikan perhatian yang serius terhadap keadilan dan bukannya perlindungan bagi kepentingan golongan tertentu.

Namun demikian, sesetengah ulama meragui akan keberkesanan prinsip *al-muḍārabah* dalam pembiayaan sebarang projek. Muhammad Muslehuddin berpendapat bahawa *al-muḍārabah* tidak dapat memberikan sebarang jaminan bagi kelancaran pembayaran balik pinjaman, kerana dikhuatiri akan terdapat amalan curang oleh usahawan atau masyarakat yang telah mendapatkan modal tersebut.<sup>40</sup>

Manakala pembiayaan untuk pembelian inventori, bahan mentah, alat-alat pertanian dapat digunakan sistem pembiayaan yang menggunakan prinsip *al-*

<sup>38</sup> Joni Tamkin Borhan (2001), "Sistem Perbankan Islam di Malaysia : Sejarah Perkembangan, Prinsip dan Amalannya", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 14, Disember 2001, h. 152.

<sup>39</sup> Paul A. Samuelson (1977), *Economics*. New York : McGraw-hill Book Co., h. 597 ; Dalam Islam kadar bunga tidak berperanan. Oleh itu, kadar bunga sebagai alat dasar yang penting dalam kewangan tidak wujud ; Lihat Metwally (1983), " Fiscal Policy in an Islamic Economy", dalam M.F. Khan et al. (ed.), *Fiscal Policy and Resource Allocation in Islam*. Islamabad : Institute of Policy Studies, h. 60 ; Lihat juga Muhammad Akram Khan (1982), "Inflation and The Islamic Economy : A Close Economy Model", dalam Mohamed Ariff (ed.), *Monetary and Fiscal Economics of Islam*. Jeddah : International Center for Research in Islamic Economics, h. 239.

<sup>40</sup> Muhammad Muslehuddin (1984), *Banking in Islamic Law*. Karachi : Islamic Research Academy, h. 67 dan 72 ; Dalam kertas kerja beliau yang berjudul, "Interest-Free Banking and Feasibility of Mudarabah" yang dibentangkan dalam persidangan antarabangsa pertama mengenai ekonomi Islam pada tahun 1976 bertempat di Mekah setebal 37 muka surat juga telah menolak *al-muḍārabah* sebagai asas dalam sistem perkongsian untung dan rugi dalam perbankan Islam ; Lihat Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), *Muslim Economic Thinking : A Survey of Contemporary Literature*. Leicester : The Islamic Foundation, h. 31; Lihat juga Joni Tamkin Borhan (2001), *op.cit.*, h. 162.

*bay' bithaman al-ājil*. Skim pembiayaan yang menggunakan prinsip *al-bay' bithaman al-ājil* merupakan instrumen pembiayaan yang banyak dilaksanakan oleh lembaga-lembaga kewangan Islam pada masa ini mahupun lembaga-lembaga kewangan moden yang menawarkan produk pembiayaan Islam. Dalam prinsip *al-bay' bithaman al-ājil* pembiaya akan membeli barangan dari pihak pembekal apabila diminta oleh pelanggan. Kemudian pembiaya akan menjual semula barangan itu kepada pelanggan dengan harga yang lebih tinggi (*mark up price*) dan juga menetapkan tempoh pelanggan untuk membuat pembayaran secara tangguh.<sup>41</sup>

Imām Syāfi'ī berpendapat bahawa sah bagi seorang lelaki yang menjual barang dengan bayaran tangguh dan membelinya semula dari pembeli itu dengan bayaran tunai yang lebih rendah.<sup>42</sup> Sedangkan Imām Mālik juga mengharuskan jual beli dengan bayaran tangguh. Beliau berpendapat bahawa sesungguhnya membeli barang dari orang lain dengan janji dia akan membayar harga barang tersebut pada tempoh masa tertentu, tiba-tiba si penjual tidak bersetuju dengan tempoh tersebut, lalu pembeli ingin mengembalikan barang itu kepada penjual semula. Maka si pembeli tidak salah, sebaliknya si penjual hendaklah menerimanya. Tetapi sekiranya penjual datang menyerahkan semula barang tersebut kepada pembeli sebelum habis tempoh, maka pembeli harus mengambilnya. Ibn Qudāmah dari mazhab Ḥanbalī menjelaskan bahawa sesiapa yang menjual barang dengan harga tangguh, kemudian membelinya semula -

---

<sup>41</sup> Shamsuddin Abdul Kadir (1994), *Islamic Banking Practice From The Practitioner's Perspective*. Kuala Lumpur : Bank Islam Malaysia Berhad, h. 103; Lihat juga Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd., h. 73.

<sup>42</sup> Abī 'Abd Allāh Muḥammad Idrīs al-Syāfi'ī (1968), *al-Umm*, j. 2. Mesir : Dār al-Syu'b, h. 201.

dengan harga yang lebih rendah dengan bayaran tunai maka hal tersebut adalah tidak harus mengikut pendapat ramai ulama.<sup>43</sup>

Adapun pinjaman haiwan ternakan merupakan pinjaman yang bertujuan untuk menambah jumlah haiwan berkenaan dan memperbaiki taraf ekonomi penduduk luar bandar.<sup>44</sup> Sistem pinjaman haiwan ternakan yang diamalkan oleh masyarakat juga bermanfaat untuk membantu ahli-ahli masyarakat yang tidak mempunyai modal untuk memelihara haiwan tertentu. Pada masa yang sama pihak pemodal atau pemilik haiwan akan mendapatkan kembali ganti daripada haiwan yang dipinjamkan tersebut iaitu anak haiwan asal. Manakala baka haiwan akan menjadi milik pengusaha apabila anak yang dilahirkan telah mencapai umur tertentu dan dikembalikan kepada pemilik modal berkenaan.<sup>45</sup>

Sekalipun pengembalian pinjaman bukanlah haiwan asal namun bilangan yang dikembalikan adalah sama. Hal ini selaras dengan pendapat Imām Hanafī dan Muḥammad al-Ḥasan yang mengatakan bahawa harta yang dipinjamkan itu telah keluar daripada milik pemiutang. Oleh itu, kedua-dua ulama tersebut berpendapat bahawa kewajipan peminjam hanyalah mengembalikan pinjaman dalam jumlah yang sama bukannya *'ain* yang sama. Sebagai contoh A berhutang daripada B satu cupak gandum dan dia menerima serahannya maka dia berhak menjaga dan

---

<sup>43</sup> Abū Muḥammad Abdillāh Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Qudāmah (t.t.), *al-Mughnī*, j. 4. Mesir : Dār al-Wafā' bi al-Mansūrah, h. 193.

<sup>44</sup> Justin K. Camoens (1971), *The Pawah System in East Pahang*. Kuala Lumpur : Ministry of Agriculture and Lands, h. 2.

<sup>45</sup> Joni Tamkin Borhan (2000), "Budaya Muamalat Setempat Sebagai Asas Pertimbangan Produk-Produk Muamalat Dalam Amalan Perbankan Islam" (Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa III Peringkat Kebangsaan Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 7-8 November 2000), h. 7-8.

menggunakannya. Kewajipan A hanyalah mengembalikan gandum yang sama jumlahnya bukannya *'ain* gandum yang dihutangkan itu.<sup>46</sup>

#### 1.4 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini ialah untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang perlunya sistem pembiayaan yang berteraskan Islam, berbanding dengan sistem pembiayaan yang sedia ada sekarang yang sebahagian besar tidak selaras dengan Islam. Kajian ini juga dilaksanakan bagi melahirkan konsep dan penilaian yang komprehensif menurut Islam berkenaan dengan sistem pembiayaan yang dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak. Oleh itu, kajian ini amat diperlukan bagi memberikan kefahaman yang mendalam sekaligus dapat mengenal pasti metode dan tatacara pelaksanaan sistem pembiayaan yang berteraskan Islam bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat desa di Kabupaten Siak.

#### 1.5 Skop Kajian

Skop utama kajian ini adalah menganalisis program-program pemerintah dalam pembangunan ekonomi masyarakat desa di Kabupaten Siak seperti skim kredit lunak, skim kredit dengan sistem hasil, skim pembiayaan dengan sistem hasil, skim kredit jentera pertanian, skim kredit haiwan ternakan dan skim pinjaman haiwan ternakan menurut perspektif Islam. Program-program tersebut dianalisa dengan melihat konsep dan tatacara pelaksanaannya sama ada selaras atau tidak dengan konsep *al-bay' bithaman al-ājil*, *al-muḍārabah* dan *al-qarḍ al-*

---

<sup>46</sup> Wahbah al-Zuhayli (1989), *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*, j. 4, c. 3. Mesir : Dār al-Fikr, h. 724.

*hasan* dalam Islam. Di dalam disertasi ini, penulis mencadangkan beberapa pengubahsuaian supaya program-program berkenaan selaras dengan ajaran Islam terutama bersesuaian dengan konsep *al-bay` bithaman al-ājil*, *al-muḍārabah* dan *al-qarḍ al-ḥasan*.

## 1.6 Huraian Istilah

Bagi memahami tajuk kajian ini maka diperlukan huraian istilah iaitu mengenai beberapa istilah di bawah ini :

### 1. Pembangunan

Pembangunan bererti prihal membangun, proses membangun (mencapai kemajuan, perkembangan-perkembangan, dan sebagainya. Pembangunan juga diertikan sebagai usaha atau kegiatan membangunkan (memajukan atau mengembangkan).<sup>47</sup> Pembangunan juga diertikan sebagai pengembangan, pembinaan, pembaharuan dan perbaikan.<sup>48</sup> Selain itu, pembangunan diertikan sebagai prihal mengembangkan, kemajuan, pencapaian peringkat yang baru.<sup>49</sup>

### 2. Ekonomi

Ekonomi ialah ilmu yang berkenaan dengan pengeluaran, pengagihan, penggunaan barang-barang, dan perkhidmatan. Ekonomi juga diertikan sebagai sistem pengendalian sumber kekayaan (kewangan, perindustrian, -

<sup>47</sup> Noresah bt. Baharom *et al.* (2002), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, c. 7. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 103.

<sup>48</sup> Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar : Bahasa Melayu Utusan*. Selangor : Percetakan Kum Sdn. Bhd., h. 150.

<sup>49</sup> Khalid M. Husain (1981), *Kamus Dwi Bahasa Inggeris – Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 355.

dan perdagangan).<sup>50</sup> Apabila dikaitkan dengan pembangunan, maka ekonomi pembangunan ialah suatu istilah yang berhubungan dengan perancangan perubahan struktur produksi dan tenaga kerja sama ada di sektor pembuatan mahupun di sektor perkhidmatan industri.<sup>51</sup>

### 3. Masyarakat

Kumpulan manusia yang hidup bersama (di sesuatu tempat dengan aturan atau cara tertentu), pergaulan hidup.<sup>52</sup> Masyarakat juga diertikan sebagai pergaulan perhubungan hidup manusia, tatahidup, mujtamak, komuniti, kaum, suku, puak, luak, kelompok, bangsa, golongan manusia, kumpulan manusia.<sup>53</sup>

### 4. Desa

Desa adalah kampung (luar bandar), dusun, udik, daerah pedalaman (kawasan hulu atau pelosok negeri).<sup>54</sup>

### 5. Islam

Islam adalah agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dengan panduan al-Quran dan al-Hadis.<sup>55</sup> Islam berasal daripada kata *aslama* membawa maksud sejahtera, damai, tunduk, patuh, dan

<sup>50</sup> Noresah bt. Baharom *et al.* (2002), *op.cit.*, h. 327.

<sup>51</sup> Michael P. Todaro (1995), *Reflections on Economic Development ; The Selected Essays of Michael P. Todaro*. England : Edward Elgar Publishing Limited, h. 443.

<sup>52</sup> *Ibid.*, h. 865.

<sup>53</sup> Zainal Abidin Safarwan (1995), *op.cit.*, h. 1137.

<sup>54</sup> Noresah bt. Baharom *et al.* (2002), *op.cit.*, h. 297.

<sup>55</sup> *Ibid.*, h. 501.

menyerahkan diri.<sup>56</sup> Islam juga diertikan sebagai agama yang benar dan kembali kepada aturan-aturan yang telah ditetapkan oleh Allah dan adanya hukuman bagi orang yang melanggar aturan-aturan tersebut.<sup>57</sup>

## 6. Kajian

Kajian bererti pelajaran, cabang ilmu pengetahuan atau penyelidikan mengenai sesuatu masalah.<sup>58</sup>

## 7. Program

Rancangan bagi menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan oleh sesuatu pihak tertentu.<sup>59</sup>

## 8. Pemerintah Daerah Kabupaten Siak, Propinsi Riau

Pemerintah Daerah Kabupaten Siak ialah wilayah negara kesatuan Republik Indonesia di dalam daerah Propinsi Riau. Daerah Kabupaten Siak merupakan daerah yang memiliki hak autonomi untuk mengatur dan menjalankan sesuatu program yang telah dirancang sebelumnya.<sup>60</sup>

---

<sup>56</sup> Surtahman Kastin Hasan (2001), *Ekonomi Islam : Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1; Lihat Abdalati Hammudah (1981), *Islam Dalam Sorotan*. Surabaya : P.T. Bina Ilmu, h. 9 ; Lihat juga Kurshid Ahmad (1980), *op.cit.*, h. 2 ; Lihat juga Taufiq Idris (1982), *Prinsip Hidup Muslim*. Surabaya : P.T. Bina Ilmu, h. 9.

<sup>57</sup> E. Van Donzel *et al.* (1997), *The Encyclopaedia of Islam*, v. 4. Netherland : Leiden E. J. Brill, h. 173.

<sup>58</sup> Noresah bt. Baharom *et al.* (2002), *op.cit.*, h. 560.

<sup>59</sup> *Ibid.*, h. 1057.

<sup>60</sup> Kementerian Dalam Negeri Republik Indonesia (1999), *Undang-Undang Autonomi Daerah 1999, Undang-Undang Nombor 22 Tahun 1999 Tentang Pemerintah Daerah, Undang-Undang Nombor 25 Tahun 1999 Tentang Perimbangan Keuangan Antara Pemerintah Pusat dan Daerah, Undang-Undang Nombor 28 Tahun 1999 Tentang Penyelenggaraan Negara Yang Bersih dan Bebas Dari Korupsi, Kolusi, dan Nepotisme*. Jakarta : Restu Agung, h. 14.



## 1.7 Kajian Lepas

Penulis telah mengadakan *review* terhadap sumber-sumber rujukan seperti buku-buku ataupun karya-karya ilmiah sama ada di Malaysia mahupun di Indonesia khususnya yang pernah dibuat di Kabupaten Siak, Propinsi Riau, Indonesia sebagai panduan.

Seorang pakar ekonomi Islam iaitu Muhammad Umer Chapra (1993) membincangkan tentang strategi pembangunan ekonomi masyarakat yang berteraskan Islam. Beliau berpendapat bahawa pembangunan luar bandar dapat dilakukan dengan cara memperbanyakkan perusahaan dan industri kecil sederhana yang disokong oleh kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh pemerintah. Di samping itu, pemerintah mesti menggalakkan pembangunan di bidang pendidikan bagi melahirkan generasi yang cekap dan berkemahiran di masa hadapan. Temuan dalam kajian yang dibuat oleh Muhammad Umer Chapra tersebut ialah berkenaan dengan peranan pembangunan industri kecil sederhana sebagai teras pembangunan masyarakat bawahan dan peranan skim pembiayaan dengan konsep *al-mudārahah* bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat di sesebuah negara.

Ada beberapa hal penting yang berhubungan dengan pembangunan ekonomi Islam yang bersifat teknik bagi meningkatkan taraf ekonomi masyarakat desa. Muhammad Syukri Salleh (1990) berpendapat bahawa pembangunan ekonomi masyarakat desa yang bersifat teknik itu ialah seperti memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat desa, menggalakkan kerjasama antara orang-orang kaya dengan orang-orang miskin dan membangunkan desa supaya tidak

ketinggalan. Temuan dalam kajian yang dibuat oleh Muhammad Syukri Salleh tersebut ialah mengenai peranan masyarakat dalam mewujudkan pembangunan desa dengan cara menjalinkan kerjasama antara satu dengan lain di samping memaksimumkan fungsi zakat sebagai modal untuk meningkatkan perekonomian masyarakat. Di samping itu, Muhammad Syukri Salleh amat menggalakkan pemerintah untuk menyediakan kemudahan pembiayaan yang selaras dengan konsep Islam seperti *al-bay' bithaman al-ājil*, *al-muḍārabah* dan *al-qarḍ al-ḥasan*.

Institusi Penelitian Universiti Riau/UNRI (2000) telah membuat suatu kajian terhadap masyarakat desa di Kabupaten Siak yang majoriti bekerja di sektor pertanian. Temuan dalam kajian tersebut ialah rendahnya pengetahuan masyarakat desa di Kabupaten Siak untuk menggunakan teknologi di sektor pertanian. Di samping itu, masyarakat desa di Kabupaten Siak yang bekerja di sektor pertanian tidak memiliki modal yang cukup untuk mengembangkan hasil pertanian mereka. Namun demikian, kajian yang dibuat oleh institusi tersebut, tidak memberikan suatu rumusan atau strategi baru bagi mengatasi kelemahan masyarakat sama ada berkenaan dengan modal mahupun kemahiran.

Sedangkan Lembaga Pengembangan Masyarakat (LPM) - Institut Pertanian Bogor/IPB (2002) membuat kajian berkenaan dengan penerapan produk-produk utama (tanaman asas) di wilayah Kabupaten Siak seperti padi, jagung dan lain-lain. Produk-produk utama tersebut bertujuan untuk meningkatkan perekonomian masyarakat dalam bidang pertanian. Temuan dalam kajian ini menunjukkan bahawa daerah Kabupaten Siak adalah daerah yang cukup sesuai untuk

membangunkan ekonomi pertanian dengan cara mengembangkan produk-produk utama daerah. Pembangunan ekonomi dengan cara meningkatkan pengeluaran di sektor pertanian akan lebih bermanfaat kepada masyarakat bawahan khasnya petani-petani yang tinggal di desa.

Pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam mempunyai beberapa objektif asas sebagai panduan dalam menjalankan sebarang program pembangunan ekonomi di sesebuah negara Islam. Aidit Ghazali (1990) membincangkan masalah objektif asas dalam pembangunan ekonomi Islam seperti pembangunan sumber manusia, pertumbuhan pengeluaran nasional, penelitian dan pembangunan, kestabilan nilai wang dan lain-lain. Dapatan dalam kajian Aidit Ghazali tersebut ialah objektif asas dalam pembangunan ekonomi Islam merupakan suatu panduan atau matlamat yang hendak dicapai oleh sesuatu negara yang berhasrat menjalankan program pembangunan ekonomi yang berteraskan Islam. Salah satu objektif asas yang amat penting dalam pembangunan ekonomi Islam adalah mewujudkan sistem ekonomi tanpa riba dan menggalakkan negara-negara Islam untuk saling membantu antara satu dengan yang lain, khasnya di bidang permodalan selaras dengan prinsip *al-qard al-hasan*.

Di samping perlunya kemudahan pembiayaan dalam mengembangkan taraf ekonomi masyarakat di sesebuah daerah, pemerintah juga perlu mengambil kira peranan latihan-latihan kerjaya dan kursus-kursus kemahiran bagi meningkatkan kualiti sumber manusia. Latihan kerjaya dan kursus kemahiran amat penting bagi melahirkan generasi muda yang cekap dan berdisiplin. Kurshid Ahmad (1980) membincangkan tentang peranan latihan kerjaya sebagai salah satu bentuk

pembangunan sumber manusia dan sebagai faktor penyokong pertumbuhan ekonomi sama ada di desa ataupun di kota. Temuan kajian Kurshid Ahmad tersebut ialah mengenai sistem pembangunan ekonomi Islam yang menggalakkan pembangunan sumber manusia. Pembangunan sumber manusia merupakan acuan utama yang menentukan keberhasilan pembangunan ekonomi di suatu daerah. Wujudnya masyarakat desa yang terkebelakang (*underdevelopment*) kerana kurangnya orang-orang yang berkemampuan untuk menggerakkan pembangunan di desa. Peranan pemerintah amat diperlukan bagi mewujudkan pembangunan sumber manusia yang cekap dan berdaya saing.

Pembangunan ekonomi masyarakat desa tidak akan dapat terwujud tanpa adanya kemahiran dan kepakaran untuk menggali sumber alam yang sedia ada. Kemahiran dan pengetahuan khasnya di bidang teknologi amat penting bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara. Kerana itu, AbulHasan Muhammad Sadeq (1991) membincangkan tentang komponen pertumbuhan ekonomi seperti menggerakkan sumber-sumber pelaburan, membangunkan sumber manusia yang berkualiti dan kecekapan di bidang teknologi. Di samping itu, beliau juga menggalakkan usahawan-usahawan supaya giat dan tekun dalam menjalankan aktiviti ekonomi. Dapatan kajian AbulHasan Muhammad Sadeq ialah sumber pelaburan, sumber manusia dan kemajuan teknologi merupakan tiga komponen penting yang mesti dilaksanakan di sesebuah negara bagi mewujudkan pertumbuhan ekonomi masyarakat di negara berkenaan.

Di samping itu, bagi mewujudkan pembangunan ekonomi yang seimbang, juga diperlukan pembangunan rohani dan mental bagi menumbuhkan kesedaran masyarakat untuk membina kerjasama yang baik antara satu dengan yang lain. Muhammad Nejatullah Sjiddiqi (1981) membincangkan unsur-unsur dalam dalam pembangunan atau lebih tepat dikatakan teori pembangunan mental masyarakat. Pembangunan mental tersebut bertujuan untuk membina hubungan persaudaraan di kalangan anggota masyarakat serta menggalakkan mereka untuk saling tolong-menolong dan bekerjasama di pelbagai bidang ekonomi. Temuan dalam kajian yang dibuat oleh Muhammad Nejatullah Siddiqi tersebut ialah berkenaan dengan tanggungjawab pemerintah terhadap pembangunan masyarakat secara menyeluruh baik mental mahupun fizikal sama ada di desa mahupun di kota.

Berdasarkan huraian di atas, maka penulis belum menemukan kajian khusus mengenai strategi dan program yang telah dibuat dan dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak untuk mewujudkan pembangunan ekonomi masyarakat khususnya bagi masyarakat yang tinggal di desa dalam tinjauan Islam. Oleh kerana itu, pendekatan kajian ini lebih difokuskan kepada program pemerintah dalam membangunkan perekonomian masyarakat desa yang dinilai dari perspektif Islam dengan lokasi kajian di Kabupaten Siak Propinsi Riau Indonesia.

## **1.8 Metodologi Kajian**

Dalam rangka penulisan ilmiah ini, penulis menggunakan beberapa kaedah atau metode seperti berikut ini :

### 1.8.1 Metode Pengumpulan data

#### 1) Metode penyelidikan perpustakaan

Ia merupakan penyelidikan yang dilakukan terhadap bahan-bahan yang disediakan di perpustakaan. Penyelidikan ini meliputi buku-buku seperti *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma`rifat al-Ma`ānī al-Fāz al-Minhāj* karangan Muḥammad bin Aḥmad al-Syarbinī al- Khaṭīb, *Towards a Just Monetary System* karangan Muhammad Umer Chapra, *Economic Development in Islam* karangan AbulHasan Muhammad Sadeq dan lain-lain. Di samping itu, penulis juga melakukan penelitian terhadap jurnal-jurnal, risalah-risalah, majalah-majalah, ensiklopedia dan laporan-laporan seperti *Jurnal Usuluddin Disember 2001*, *The Encyclopaedia of Islam* karangan Van Donzel, *Rencana dan Strategi Pembangunan Daerah Kabupaten Siak, Laporan Akhir (2000) berkenaan dengan Studi Kelayakan dan Identifikasi Usaha Pengembangan Agribisnis dan Agroindustri Pola Perusahaan Pertanian di Kabupaten Siak* yang diterbitkan oleh Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Kabupaten Siak. Penyelidikan ini penting kerana yang diperlukan seperti takrifan-takrifan, konsep-konsep, prinsip-prinsip dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengan program pembangunan ekonomi yang dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak ditinjau menurut perspektif Islam yang boleh didapati melalui buku-buku rujukan yang terdapat di perpustakaan.

## 2) Metode dokumentasi

Ia bermaksud cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen yang ada kaitannya dengan masalah yang diteliti. Dokumen pula<sup>2</sup> adalah benda yang bertulis yang dapat memberikan keterangan.<sup>61</sup> Ia termasuk juga gambar-gambar, kumpulan Undang-undang, peraturan-peraturan, catatan-catatan harian, ia juga termasuk laporan jabatan, badan berkanun, syarikat, persatuan dan sebagainya.<sup>62</sup> Sumber-sumber yang dinyatakan amat berguna dijadikan data dalam penyelidikan ini. Walau bagaimanapun, sumber tersebut perlu ditapis agar ia dapat diterima sebagai dokumen yang bermutu.

## 3) Temubual

- (i) Temubual dilakukan dengan pegawai bahagian pentadbiran program-program pembangunan ekonomi Pemerintah Daerah Kabupaten Siak. Hal ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui secara umum program-program yang dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak. Khususnya program yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi masyarakat desa.<sup>63</sup>
- (ii) Temubual juga dilakukan dengan pegawai Badan Perencanaan Pembangunan Daerah (Bappeda) Kabupaten Siak. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan informasi dan data-data umum yang berkaitan

<sup>61</sup> Abdul Halim Mat Diah (1986), *Filsafat Pendidikan Islam di Malaysia*. Yogyakarta : Kajian Ilmiah (IAIN) Sunan Kalijaga Yogyakarta, h. 116.

<sup>62</sup> Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*. Yogyakarta : Penerbitan Fakulti Ilmu Pendidikan, h. 55.

<sup>63</sup> Bahagian pentadbiran yang ditemubual iaitu Sugiman (Asisten Bupati Bidang Pembangunan Kabupaten Siak).

dengan perancangan pembangunan yang dijalankan oleh pemerintah daerah Kabupaten Siak.<sup>64</sup>

- (iii) Temubual dengan Ahli Jawatankuasa Jabatan Penternakan dan Perikanan, Ahli Jawatankuasa Jabatan Pertanian dan Perkebunan, Ahli Jawatankuasa Jabatan Perindustrian dan Perdagangan, Ahli Jawatankuasa Jabatan Koperasi dan Usaha Kecil Menengah (UKM) Kabupaten Siak. Ianya dilakukan bertujuan untuk mengetahui dan memperolehi data-data yang terperinci serta teknik
- (iv) pelaksanaan pelbagai skim yang dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak.<sup>65</sup>

#### 1.8.2 Metode Penganalisaan Data

Setelah melakukan pengumpulan data maka penulis akan melakukan analisa data melalui cara-cara berikut :

##### 1) Metode Induktif

Ia adalah cara menganalisa data melalui cara berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum.<sup>66</sup> Dalam kaedah induktif ini, data yang terperinci akan dikumpulkan untuk dibuat penilaian secara umum bagi

---

<sup>64</sup> Pegawai Badan Perencanaan Pembangunan Daerah (Bappeda) Kabupaten Siak yang ditemubual iaitu Muhibbul (Kepala Bahagian Ekonomi Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Kabupaten Siak).

<sup>65</sup> Ahli-ahli Jawatankuasa yang ditemubual iaitu Subhan Arif (Ahli Jawatankuasa Jabatan Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak), Arbain dan Ngadiman (Ahli Jawatankuasa Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak), Darwilis (Kepala Jabatan Koperasi dan UKM Kabupaten Siak), Fahmi (Ahli Jawatankuasa Jabatan Perindustrian dan Perdagangan Kabupaten Siak).

<sup>66</sup> Koentjaraningrat (1977), *Metode Penyelidikan Masyarakat*. Jakarta : P.T. Gramedia, h. 79.



mendapatkan gambaran am yang sebenarnya. Metode ini majoriti digunakan dalam bab dua, bab empat, dan bab lima dalam kajian ini.

2) Metode Deduktif

Ia merupakan satu instrumen untuk menghasilkan satu kesimpulan yang berpangkal dalil-dalil yang bersifat umum untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus.<sup>67</sup> Dalam kaedah deduktif ini, data-data yang bersifat umum akan dianalisa secara terperinci sebelum membuat sebarang rumusan yang tepat dan padat. Kaedah ini akan digunakan dalam membuat kesimpulan yang akan dihasilkan dalam penelitian ini. Metode ini majoriti digunakan dalam bab empat dan bab lima dalam penelitian ini.

3) Metode Komparatif

Ia merupakan instrumen bagi menghasilkan kajian perbandingan yang berkenaan dengan program pembangunan ekonomi yang dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak sama ada ianya selaras atau tidak dengan pembangunan ekonomi masyarakat desa yang digalakkan oleh Islam. Metode ini akan digunakan dalam bab empat dan bab lima sahaja.

---

<sup>67</sup> *Ibid.*, h. 52.